

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI PELANCONGAN DOMESTIK DI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN KEEMPAT 2024

Pelancongan domestik Malaysia mencatat prestasi terbaik pada tahun 2024 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM107.2 bilion, termasuk RM29.0 bilion pada suku terakhir

PUTRAJAYA, 24 MAC 2025 – Sektor pelancongan domestik Malaysia mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan pada suku keempat 2024, dengan 66.8 juta pelawat, mencerminkan peningkatan ketara tahun ke tahun sebanyak 21.4 peratus. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, bilangan pelawat domestik menunjukkan peningkatan sebanyak 0.8 peratus. Perbelanjaan pelancongan domestik turut melonjak sebanyak 21.9 peratus, berjumlah RM29.0 bilion dalam tempoh yang sama, manakala perbelanjaan pelancongan suku tahun ke suku tahun mencatatkan peningkatan ketara 13.4 peratus, sekali gus menekankan pertumbuhan teguh sektor itu. Statistik ini diketengahkan dalam **BULETIN SURVEI PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA (DTS), SUKU TAHUN KEEMPAT 2024** yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin menyatakan bahawa prestasi kukuh pelancongan domestik Malaysia pada tahun 2024 berterusan sehingga suku tahun terakhir, menjadikan jumlah pelawat pada tahun tersebut kepada 260.1 juta, dengan peningkatan sebanyak 21.7 peratus berbanding 2023. Selaras dengan peningkatan jumlah

pelawat, perbelanjaan pelancongan domestik mencecah RM107.2 bilion, mencerminkan pertumbuhan tahun ke tahun yang kukuh, iaitu sebanyak 26.3 peratus.

Pertumbuhan dalam pelancongan domestik juga dicerminkan dalam prestasi industri berkaitan pelancongan. Hasil daripada aktiviti zoo menyaksikan peningkatan sebanyak 15.6 peratus tahun ke tahun, menonjolkan daya tarikan terhadap hidupan liar. Jualan runcit bahan api turut meningkat sebanyak 6.7 peratus, sejajar dengan aktiviti perjalanan domestik yang lebih tinggi, manakala ketibaan di lapangan terbang domestik meningkat sebanyak 6.1 peratus. Selain itu, volum trafik lebuh raya meningkat sebanyak 3.8 peratus, menandakan tahap mobiliti yang lebih tinggi dalam negara. Perkembangan ini disokong oleh peningkatan ketara 14.1 peratus dalam hasil subsektor penginapan, yang menunjukkan permintaan kukuh terhadap perkhidmatan perjalanan domestik.

Industri hotel menunjukkan daya tahan yang kukuh dengan kadar penghunian untuk hotel empat bintang meningkat sebanyak 5.9 peratus, mencerminkan permintaan berterusan untuk pilihan penginapan mewah. Destinasi pantai menyaksikan peningkatan ketara sebanyak 12.1 peratus dalam kadar penghunian, menunjukkan peralihan ke arah percutian pantai, manakala kawasan bandar mencatatkan peningkatan sederhana sebanyak 0.7 peratus, menandakan pengagihan pelawat domestik yang lebih seimbang merentasi pelbagai destinasi.

Sektor pelancongan domestik Malaysia yang berkembang maju telah terbukti menjadi pemacu utama prestasi ekonomi negara. Peningkatan dalam bilangan pelawat, ditambah dengan perbelanjaan pelancongan yang semakin meningkat, telah memperkukuh pelbagai industri yang menyokong kepada sektor itu, mengukuhkan peranan pelancongan dalam pembangunan ekonomi keseluruhan Malaysia.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menekankan sumbangan positif daripada aktiviti ekonomi yang lebih meluas pada suku keempat ini. Sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 6.2 peratus tahun ke tahun pada suku keempat, sebahagian besarnya didorong oleh pertumbuhan dalam Perdagangan Borong & Runcit dan Makanan & Minuman, sektor

yang mendapat manfaat daripada peningkatan perbelanjaan pengguna untuk perjalanan, makan dan minum serta perkhidmatan yang berkaitan. Subsektor Pengangkutan menyaksikan pertumbuhan kukuh terutamanya dalam pengangkutan darat dan pengangkutan udara, masing-masing meningkat sebanyak 10.0 peratus dan 9.3 peratus, mencerminkan peningkatan pergerakan pelawat domestik dan antarabangsa.


Pertumbuhan pelancongan domestik Malaysia dijangka akan berkembang, didorong oleh keyakinan pengguna yang berterusan, permintaan perjalanan yang tinggi dan sambutan musim perayaan akan datang. Memandangkan sektor ini akan terus berkembang, sumbangan pelancongan kepada pembangunan ekonomi Malaysia kekal kritikal, mengukuhkan kedudukan pelancongan domestik sebagai asas kepada strategi ekonomi negara yang lebih luas.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>


Carta 1: Prestasi Pelawat Domestik di Malaysia




Carta 2: Jumlah Perbelanjaan Pelancongan Domestik di Malaysia




Carta 3: Nilai Jualan Runcit Bahan Api




Carta 4: Hasil Subsektor Penginapan



Carta 5: Hasil daripada Aktiviti Zoo



Carta 6: Ketibaan di Lapangan Terbang Domestik



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 MAC 2025

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

PERFORMANCE OF DOMESTIC TOURISM MALAYSIA IN FOURTH QUARTER 2024

Malaysia's domestic tourism recorded its best performance in 2024 with a total expenditure of RM107.2 billion, including RM29.0 billion in the last quarter

PUTRAJAYA, MARCH 24, 2025 – Malaysia's domestic tourism sector experienced impressive growth in the fourth quarter of 2024, with 66.8 million visitors, reflecting a substantial year-on-year increase of 21.4 per cent. On a quarter-on-quarter basis, the number of domestic visitors saw a modest rise of 0.8 per cent. Domestic tourism expenditure also surged by 21.9 per cent, totalling RM29.0 billion in the same period, while quarter-on-quarter, tourism expenditure recorded a notable 13.4 per cent increase, further underscoring the sector's robust growth trajectory. These insights were highlighted in the **BULLETIN OF MALAYSIA'S DOMESTIC TOURISM SURVEY (DTS), FOURTH QUARTER 2024**, released today by the Department of Statistics Malaysia (DOSM).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia, noted that the strong performance of Malaysia's domestic tourism in 2024 continued into the final quarter, bringing the total number of visitors for the year to 260.1 million, a 21.7 per cent increase compared to 2023. In tandem with the rise in visitor numbers, domestic

tourism expenditure reached RM107.2 billion, reflecting a solid year-on-year growth of 26.3 per cent.

The growth in domestic tourism was further reflected in the performance of tourism-related industries. Revenue from zoo attractions saw a 15.6 per cent increase year-on-year, highlighting the ongoing appeal of wildlife experiences. Similarly, retail sales of automotive fuel grew by 6.7 per cent, in line with higher domestic travel activity, while domestic airport arrivals rose by 6.1 per cent. Additionally, highway traffic volume increased by 3.8 per cent, signalling higher levels of mobility within the country. These developments were supported by a notable 14.1 per cent increase in the accommodation subsector's revenue, further confirming the strong demand for domestic travel services.

The hotel industry demonstrated resilience, with the occupancy rate for four-star hotels rising by 5.9 per cent, a reflection of the continued demand for higher-end accommodation options. Beach destinations saw a significant 12.1 per cent increase in occupancy rates, indicating a shift toward coastal getaways, while town areas recorded a modest rise of 0.7 per cent, signalling a more balanced distribution of domestic travellers across various destinations.

Malaysia's thriving domestic tourism sector has proven to be a key driver of the nation's economic performance. The rise in visitor numbers, coupled with increasing tourism expenditure, has bolstered various industries that support the sector, reinforcing its vital role in Malaysia's overall economic development.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also highlighted the positive contributions from broader economic activities in the final quarter. The Services sector expanded by 6.2 per cent year-on-year in the fourth quarter, largely driven by growth in Wholesale & Retail Trade and Food & Beverages, sectors that benefited from rising consumer

spending on travel, dining, and related services. The Transportation subsector saw particularly strong growth, with land transport rising by 10.0 per cent and air transport by 9.3 per cent, reflecting the increased movement of both domestic and international visitors.

The growth of Malaysia's domestic tourism is expected to continue, driven by ongoing consumer confidence, robust travel demand, and the incoming festival celebration. As the sector continues to expand, its contribution to Malaysia's economic development remains critical, reinforcing the importance of domestic tourism as a cornerstone of the nation's broader economic strategy.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: the Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aim to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20 October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Performance of Domestic Visitors in Malaysia




Chart 2: Malaysia's Domestic Tourism Expenditure




Chart 3: Sales of Automotive Fuel




Chart 4: Revenue of Accommodation Subsector




Chart 5: Revenue of Zoo Attractions





Chart 6: Domestic Airport Arrivals



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
24 MARCH 2025